MUKADDIMAH ILMU
DI DALAM MEMAHAMI HADITH NABIMU

Prof. Dato' Arif Perkasa Dr.
MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN

SUMBANGAN MAIPs

MUKADDIMAH ILMU
DI DALAM MEMAHAMI HADITH NABIMU

Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr.
MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN

MUKADIMAH ILMU DI DALAM MEMAHAMI HADITH NABIMU ©2020 oleh Jabatan Mufti Perlis

Hak penerbitan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Atur Huruf dan Reka Letak oleh;
RUMAH REKA
PT 3776-1, Jalan Padang Siding,
Kg. Kuala Tunggang, 02600 Arau, Perlis.
Tel : +60 17-555 2914 / +60 13-447 5815
Emel : rumahrekadesain@gmail.com

Diterbitkan oleh :
JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Blok A,
Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar, Perlis.
Tel : 04-979 4428
Fax : 04-976 3844

ISBN 978-967-16744-4-4

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN SUNNAH DAN KEPENTINGANNYA 1

Definisi Sunnah 2

Perbezaan Antara Hadith Dan Sunnah 7

Kepentingan Memahami As-Sunnah 11

Sunnah Adalah Hujah Yang Kukuh 14

BAB KEDUA: HARAM BERDUSTA MENGGUNAKAN NAMA NABI 17

Sanad Dan Matan 21

Kajian Sanad 24

Sanad Sebagai Benteng Para Imam 32

Kajian Matan 33

BAB KETIGA: ASAS MEMAHAMI MATAN HADITH 39

Langkah-Langkah Utama 40

Ilmu Gharib Al-Hadith 42

Ilmu-Ilmu Asas Dalam Memahami Matan Hadith 42

Ilmu Sabab Wurud Al-Hadith 49

Ilmu Nasikh Dan Mansukh 54

Ilmu Mukhtalaf Dan Musykil 57

PENUTUP **61**

BAB1:

PENGENALAN SUNNAH DAN KEPENTINGANNYA

❁ Definisi Sunnah

Dari segi bahasa Arab, perkataan sunnah bermaksud *tariqah* (طريقة) atau *sirah* (سيرة) iaitu jalan.

Secara umumnya, dari segi istilah para ulama hadith (al-muhaddithin) apabila menyebut perkataan sunnah mereka maksudkan al-hadith[1]. Dengan itu perkataan sunnah dan hadith di sisi ulama hadith bermaksud:

> *"Apa yang disandarkan kepada Rasulullah ﷺ, sama ada perkataan, atau perbuatan, atau pengakuan, atau sifat tubuh, atau sifat akhlak, sama ada sebelum diutuskan, atau selepas diutuskan".*

Berdasarkan takrif yang dinyatakan ini, maka kita lihat hadith atau sunnah terbahagi kepada lima bentuk;

❁ Perkataan Rasulullah ﷺ yang dinamakan *hadith qauli* (حديث قولي) atau sunnah *qauliyyah* (سنة قولية). Perkataan baginda dinamakan hadith atau sunnah. Bahkan hadith, atau sunnah dalam bentuk inilah yang terbanyak.

[1] Kadangkala para ulama hadith juga membezakan antara sunnah dan hadith. Perkara ini akan disebutkan nanti.

Contoh-contohnya ialah sabda-sabda Nabi ﷺ yang sahih yang sering kita baca.

- Perbuatan Rasulullah ﷺ yang dinamakan *hadith fi'li* (حديث فعلي) atau sunnah *fi'liyyah* (سنة فعلية). Hadith-hadith Nabi ﷺ itu, tidak semestinya, dalamnya perkataan baginda, sebaliknya, mungkin juga perbuatan atau tindakan baginda yang diriwayatkan oleh para sahabat. Hal ini juga dinamakan hadith atau sunnah.

Sebagai contoh:

عَنْ أَنَسٍ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ مَعَ أُمِّهِ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ فَيَقْرَأُ بِالسُّورَةِ الْخَفِيفَةِ أَوْ بِالسُّورَةِ الْقَصِيرَةِ[2]

Daripada Anas, katanya: "Rasulullah ﷺ mendengar tangisan bayi yang bersama ibunya ketika baginda sedang dalam solatnya. Maka baginda pun membaca surah yang ringan atau pendek".

Dalam hadith Anas bin Malik menceritakan mengenai tindakan Nabi ﷺ mensegerakan solat apabila mendengar tangisan bayi. Dalam hadith ini hanya diriwayatkan perbuatan Nabi ﷺ, bukan ucapan baginda. Hal ini juga hadith atau sunnah. Secara lebih khusus dipanggil *hadith fi'li* atau *sunnah fi'liyyah*.

[2] Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

- Pengakuan Rasulullah ﷺ yang dinamakan *hadith taqriri* (حديث تقريري) atau *sunnah taqririyyah* (سنة تقريرية). Ia bermaksud berlaku sesuatu perbuatan atau perkataan di hadapan baginda, atau sampai perkara tersebut kepada pengetahuan baginda dan baginda mengakui atau tidak membantahnya[3].

Hal ini kerana baginda ﷺ tidak mungkin membiarkan atau tidak membantah sesuatu keadaan, atau kejadian yang menyalahi syarak sedang baginda melihat atau mengetahuinya. Hal ini akan menafikan sifat baginda sebagai penyampai risalah Allah.

Justeru itu, jika baginda tidak membantah, ini menandakan perkara tersebut adalah diizinkan syarak. Sebagai contohnya hadith 'Aisyah r.ha:

لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا عَلَى بَابِ حُجْرَتِي وَالْحَبَشَةُ يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى

[3] Sesetengah penulis menyebut maksud hadith taqriri (hadith pengakuan) ialah berlaku sesuatu perkara di hadapan baginda, atau sampai ke pengetahuan baginda tetapi baginda diam. Diam dianggap sebagai asas bagi hadith taqriri atau hadith pengakuan ini. Namun, ini agak kurang tepat. Sebabnya kerana pengakuan bukan semestinya dengan diam. Asas pengakuan ialah tidak membantah. Kadangkala sesuatu perkara berlaku di hadapan baginda, baginda tersenyum, atau baginda ketawa, atau memuji, juga membawa maksud pengakuan. Asas bagi hadith pengakuan ini ialah tidak membantah. Saya telah jelaskan hujah bagi perkara dalam buku saya *Sabab Wurud al-Hadith* Dawadit wa Ma'ayir (سبب ورود الحديث ضوابط ومعايير).

اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتُرُنِي بِرِدَائِهِ أَنْظُرُ إِلَى لَعِبِهِمْ

"Suatu hari Rasulullah ﷺ berada di pintu bilikku, ketika itu orang-orang Habsyah sedang bermain di dalam masjid[4]. Baginda melindungiku dengan selendangnya, aku pula melihat kepada permainan mereka".

Dalam hadith di atas tidak ada sebarang ucapan Nabi ﷺ. Namun, sikap tidak membantah Nabi ﷺ terhadap permainan mereka menunjukkan perbuatan orang Habsyah membuat permainan senjata dalam masjid sesuatu yang diizinkan. Demikian juga baginda tidak membantah 'Aisyah melihat mereka, menunjukkan wanita boleh melihat pertunjukkan permainan yang dilakukan oleh lelaki. Hal ini juga dinamakan hadith atau sunnah. Secara lebih khusus dinamakan *sunnah taqririyyah*.

- Cerita sahabat Nabi mengenai sifat tubuh atau rupa jasad Nabi ﷺ juga dianggap sebagai hadith dan sunnah. Contohnya hadith Anas bin Malik yang menggambarkan bentuk diri Nabi ﷺ Kata Anas r.a.:

[4] Dalam riwayat lain dijelaskan mereka bermain senjata.

كَانَ رَبْعَةً مِنَ الْقَوْمِ لَيْسَ بِالطَّوِيلِ وَلَا بِالْقَصِيرِ أَزْهَرَ اللَّوْنِ لَيْسَ بِأَبْيَضَ أَمْهَقَ وَلَا آدَمَ لَيْسَ بِجَعْدٍ قَطَطٍ وَلَا سَبْطٍ رَجِلٍ[5]

"Adalah Rasulullah pertengahan orangnya, tidak tinggi dan tidak rendah. Putih berseri kulitnya. Tidak putih yang keterlaluan, tidak juga terlalu kemerahan. Tidak terlalu kerinting (rambutnya) dan tidak pula lurus".

Riwayat sahabat mengenai sifat tubuh dan jasad Nabi ﷺ juga disebut sebagai hadith.

- Cerita sahabat Nabi ﷺ tentang akhlak atau sikap Nabi ﷺ juga adalah dikira sebagai sunnah atau hadith. Sebagai contoh apa yang diceritakan oleh Abu Sa'id al-Khudri r.a mengenai akhlak Nabi:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ حَيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خِدْرِهَا وَإِذَا كَرِهَ شَيْئًا عُرِفَ فِي وَجْهِهِ[6]

"Nabi ﷺ lebih pemalu daripada anak dara yang berada di belakang tabirnya, dan apabila baginda membenci sesuatu dapat dikenali pada wajahnya".

Contoh yang lain hadith 'Aisyah yang mensifatkan kesukaan Nabi ﷺ:

[5] Riwayat al-Bukhari dan al-Tirmizi.
[6] Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ التَّيَمُّنَ مَا اسْتَطَاعَ فِي شَأْنِهِ كُلِّهِ فِي طُهُورِهِ وَتَرَجُّلِهِ وَتَنَعُّلِهِ[7]

"Kata 'Aisyah: "Nabi ﷺ suka memulakan sesuatu pada sebelah kanan selagi baginda mampu dalam semua urusannya; dalam bersuci, menyikat rambut dan memakai kasut".

❁ Perbezaan Antara Hadith dan Sunnah

Walaupun pada umumnya, al-Hadith dan as-Sunnah diterima pakai dengan maksud yang sama, namun perlu dimaklumkan bahawa kadangkala dalam perbahasan yang lebih mendalam perkataan as-Sunnah dibezakan daripada perkataan al-Hadith. Hal ini seperti yang diungkapkan oleh al-Imam 'Abd al-Rahman bin Mahdi (W: 197H):

سفيان الثوري إمام في الحديث، وليس إماماً في السنة، الأوزاعي إمام في السنة وليس إماماً في الحديث، ومالك بن أنس إمام فيهما جميعا[8]

Sufyan al-Thauri merupakan Imam dalam Hadith, beliau bukan imam dalam Sunnah. Al-Auza'i merupakan imam dalam Sunnah, beliau bukan imam dalam Hadith. Malik (bin Anas) imam dalam kedua-duanya (Hadith dan Sunnah)"

---

[7] Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

[8] Al-Zurqani, Syarh al-Zurqani 'ala Muwatta Malik, 1/36. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi (1997).

Berdasarkan kenyataan 'Abd al-Rahman bin Mahdi ini, perkataan sunnah kadangkala dibezakan daripada perkataan hadith. Sunnah lebih merujuk kepada bahan yang digunakan oleh para *fuqaha* (ahli fekah) dan *usul* dalam merumuskan apa yang diambil daripada hadith sama ada perkataan, perbuatan ataupun pengakuan baginda.

Berasaskan sumber hadith maka dibuat keputusan mengenai sunnah Nabi ﷺ sama ada wajib ataupun sunat, ataupun harus. Demikian diputuskan sama ada halal ataupun haram.

Sementara hadith itu lebih luas merangkumi apa sahaja yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ sama ada yang menjadi sunnah untuk kita ikuti ataupun tidak.

Hal ini seperti hadith-hadith yang *mansukh* ataupun sesuatu yang khas untuk Nabi ﷺ seperti beristeri lebih daripada empat ataupun hal-hal lain yang khusus untuk baginda sahaja seperti *wisal* (bersambungan) dalam berpuasa. Demikian juga perkara-perkara yang berkaitan dengan *sunnah jibiliyyah*[9] dan juga sifat

[9] Jibiliyyah bermaksud sesuatu yang dilakukan disebabkan kebiasaan, adat, keperluan diri sebagai manusia, keperluan disebabkan faktor sekeliling. Hal ini seperti makan, minum, tidur, buang air, jenis makanan

tubuh dan jasad Nabi ﷺ yang tidak disuruh untuk kita mengikutinya.

Inilah yang disebut oleh Dr. Hammam (همام) Sa'id:

"أما الحديث فهو أعم من السنة من حيث المفهوم؛ إذ أنه يزيد على السنة في تناوله لكل ما صدر عن النبي صلى الله عليه وسلم، حتى ولو كان منسوخاً ليس عليه العمل، ويتناول صفة النبي صلى الله عليه وسلم الخِلقية من حيث لونه وجسمه وشعره وطوله، وصفاته الجبلية من حيث صحته ومرضه، وما يميل إليه من الطعام وما لا يرغب فيه[10]

"Adapun hadith maka ia lebih umum daripada sunnah dari sudut mafhumnya. Di mana hadith itu melebihi sunnah pada merangkumi setiap yang terbit daripada Nabi ﷺ, sekalipun apa yang dimansukhkan dan tidak diamalkan. Ia juga merangkumi sifat diri Nabi ﷺ dari segi warna kulit baginda, jasad baginda, rambut baginda, ketinggian baginda, sifat-sifat jibiliyyah[11] *baginda di sudut sihat dan sakit baginda. Juga makanan apa yang baginda sukai dan apa pula yang baginda tidak gemari".*

---

kesukaan fesyen pakaian yang dipakai dan seumpamanya. Para Ulama Usul Fiqh dalam pelbagai karya berbincang tentang sunnah jenis ini dan pembahagiannya.

[10] Dr. Hammam Sa'id, Al-Manhaj Al-Islami 'ind al-Muhaddithin, m.s 28. Jordan: Riasah al-Mahkamah al-Syar'iyyah (1978).

[11] Lihat penerangan sebelum ini.

Dr. Hammam membuat kesimpulan:

ونخلص من هذا إلى أن الحديث أعم من السنة، فكل سنة حديث، وليس كل حديث سنة. والسنة هي غاية الحديث وثمرته[12]

"Maka kita simpulkan daripada (perbincangan) ini bahawa hadith itu lebih umum dibandingkan sunnah. Semua sunnah itu hadith, bukan semua hadith itu sunnah. Sunnah itu merupakan tujuan dan hasil (daripada penganalisaan) hadith".

Dengan itu maka kita dapati sejumlah daripada kalangan ulama membezakan perkataan hadith dan sunnah ini. Antaranya, karya al-Imam Ahmad bin Muhammad bin al-Hajjaj (الحجاج) al-Marwazi (المروزي) (W: 275H) iaitu (كتاب السنن بشواهد الحديث) (Kitab Tentang Sunnah-Sunnah Dengan Bukti-Bukti Daripada Hadith) yang disebut oleh Ibn Nadim (ابن نديم) (W: 384H) dalam al-Fihrist[13].

Demikian di sana akan karya yang bertajuk (كتاب السنن في الفقه على مذهب أحمد وشواهده من الحديث) (Kitab Sunnah-Sunnah dalam Fekah Mazhab Ahmad dan Bukti-Buktinya daripada Hadith) yang dinisbahkan kepada al-Imam Abu Bakr Al-Athram (الأثرم)Ahmad

[12]Ibid, m.s 30.
[13]Ibn Nadim, Al-Fihrist, 1/321. Beirut: Dar al-Ma'rifah (1978).

bin Muhammad bin Hani (هانئ) (W: 261H)`[14].

Kata al-Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah(غدة):

لفظ السنة في الحديث النبوي وكلام الصحابة والتابعين معناه: الطريقة المشروعة المُتَّبعة في الدين[15]

Maka secara kesimpulannya, tidak semua yang disebutkan dalam hadith itu menjadi sunnah untuk diamalkan. Namun, semua sunnah diambil daripada sumber hadith.

❁ Kepentingan Memahami as-Sunnah

Setelah kita memahami tuntutan syahadah Muhammad Rasulullah, maka jelas bahawa Islam yang sebenarnya tidak mungkin dapat difahami melainkan dengan mengenali dan memahami sunnah Nabi ﷺ. Arahan-arahan al-Quran yang meminta kita agar mentaati Rasulullah ﷺ tidak mungkin dapat ditunaikan melainkan setelah kita mengetahui apakah perkataan, perbuatan dan pengakuan baginda.

Titah perintah dan larangan baginda tidak mungkin dapat diketahui, difahami dan seterusnya diamalkan tanpa ilmu pengetahuan mengenai sunnah baginda. Apabila kita mengetahui bahawa keperluan kita kepada Rasulullah lebih besar daripada segala

[14]Ibid, 1/32.

[15] 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, As-Sunnah al-Nabawiyyah wa Bayan Madluliha al-Syar'i, m.s 19. Damsyik: Dar al-Qalam (1992).

keperluan, maka kita akan sedar betapa besarnya keperluan kita kepada sunnah. Kata Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah r.h (W: 728H):

> *"Bukanlah keperluan penduduk bumi kepada Rasulullah ﷺ seperti keperluan mereka kepada matahari dan bulan, angin dan hujan. Bukan juga seperti keperluan insan kepada kehidupannya. Bukan seperti keperluan mata kepada cahayanya. Bukan seperti keperluan jasad kepada makanan dan minuman. Bahkan lebih besar daripada itu semua. Lebih dahsyat daripada segala keperluan yang diandaikan dan dibayangkan. Para rasul adalah perantara antara Allah dan makhluk-Nya dalam menyampai suruhan dan larangan-Nya. Mereka adalah duta antara Allah dan hamba-hamba-Nya"*[16].

Maka, dakwah kepada Islam tidak mungkin boleh dilakukan oleh golongan yang tidak memahami as-Sunnah dengan disiplin keilmuan yang betul.

Mana mungkin ditegakkan Islam tanpa berdiri atas tunjuk ajar Nabi ﷺ. Mana mungkin memahami tunjuk ajar Nabi ﷺ tanpa memahami sunnah baginda.

Kita bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh al-Syeikh Nasir al-Din al-Albani r.h:

[16] Ibn Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, 10/56.

"Apakala menjadi sesuatu yang putus bahawa "Sesungguhnya al-Din di sisi Allah ialah Islam", maka sesungguhnya tidak mungkin dapat difahami apa yang dikehendaki Allah melainkan dengan perantaraan Rasulullah. Sesungguhnya tiada jalan kita sampai kepada baginda melainkan melalui pengetahuan mengenai sunnah baginda. Pula tiada jalan kepada sunnah baginda melainkan dengan ilmu hadith. Justeru itu menjadi kewajipan ke atas kaum muslimin, sama ada pemerintah atau rakyat, pendakwah atau yang didakwah, beriman bersama kita bahawa tiada jalan terlaksananya apa yang kita seru kepadanya iaitu perlaksanaan keadilan dan keamanan, menegakkan hukum Allah di atas muka bumi kecuali dengan berdakwah kepada sunnah dan mengamalkannya, juga mentarbiah kaum muslimin dengannya. Bukan dengan hukum-hakam dunia, undang-undang ciptaan manusia, pandangan-pandangan individu dan pegangan-pegangan kepartian. Itu semua menjadikan umat semakin berpecah dan jauh daripada matlamat yang dituju"[17].

Inilah apa yang sedang kita saksi. Ada yang berdakwah kepada Islam tetapi apabila tidak mendalami ilmu mengenai sunnah Nabi ﷺ Mereka itu menjadikan cakap dan ucapan manusia mengatasi hadith-hadith Nabi ﷺ.

[17] Al-Albani, Sahih al-Adab al-Mufrad(صحيح الأدب المفرد), m.s. 8-9. Arab Saudi: Dar al-Sadiq.

Kadangkala mereka menolak sunnah Nabi ﷺ semata-mata bercanggah dengan amalan masyarakat, atau pendapat kumpulan, atau pimpinan parti atau tokoh agama tertentu.

❁ Sunnah Adalah Hujah Yang Kukuh

Sesungguhnya berpegang dan berhujah dengan sunnah adalah dalil yang teguh dalam Islam. Hal ini kerana, ia adalah hujah yang diiktiraf oleh Allah Pencipta segala makhluk dan yang menurunkan agama yang sebenar. Sekalipun ia tidak diiktiraf oleh sesetengah pihak, namun yang penting bagi muslim adalah pengiktirafan Allah.

Firman Allah dalam Surah an-Nisa ayat 59:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

"Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan al-Rasul (as-Sunnah) - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Apabila sesuatu hadith itu sabit daripada Muhammad bin 'Abd Allah yang dilantik menjadi rasul, maka ia rujukan dan hujah. Tidak boleh bagi

seorang muslim mendahulukan sesuatu pun atas sunnah Nabi ﷺ, Firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 1:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيم

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya; dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

Al-Imam al-Sayuti (W: 911H) menyebut dengan agak keras:

"Ketahuilah -semoga Allah merahmati kamu -bahawa sesiapa yang membantah bahawa hadith Nabi ﷺ, -sama ada perkataan atau perbuatan baginda dengan syarat-syaratnya yang diketahui dalam ilmu Usul[18] -sebagai hujah[19] maka dia menjadi kafir. Dia terkeluar dari daerah Islam dan dihimpunkan bersama Yahudi dan Kristian, atau bersama sesiapa yang Allah mahu daripada puak-puak kafir"[20].

Hal ini adalah kenyataan umum al-Imam al-Sayuti yang bukan ditujukan khas untuk individu tertentu.

[18] Maksudnya syarat-syarat yang digariskan oleh para ulama dalam menilai sesebuah hadith sebagai hujah.

[19] Maksudnya dia tidak menerima hadith sahih sebagai rujukan yang dipegang dalam beragama.

[20] Al-Sayuti Miftah al-Jannah fi Ihtijaj bi as-Sunnah, m.s 140. Mesir: Dar al-Salam.

Ia satu kaedah umum. Kita hendaklah ketahui bahawa seorang muslim tidak boleh bermudah-mudah mengkafirkan individu lain hanya dengan satu andaian tanpa usul periksa secara detil. Memang, secara umumnya sesiapa yang menolak hadith menjadi kafir. Namun individu yang terbabit belum tentu menjadi kafir. Hendaklah dikaji keuzuran dan alasan yang menyebabkan hal itu berlaku. Barangkali dia jahil, atau terkeliru, atau ada maksud yang lain, atau dia hanya menolak hadith yang tidak sahih, atau dia terkhilaf dalam mentakwilkan bab tertentu dan seumpamanya.

Justeru itu, kita akan terus berdakwah agar manusia beriman dengan Nabi ﷺ dan terus berpegang dengan ajaran baginda. Kita hendaklah berusaha membela sunnah Nabi ﷺ dan mempertahankannya.

BAB KEDUA:

HARAM BERDUSTA MENGGUNAKAN NAMA NABI ﷺ

Wajib setiap kita mengetahui bahawa haram meriwayatkan hadith yang dusta dan haram menyandarkan sesuatu hadith kepada Nabi ﷺ tanpa membuat kepastian. Hadith palsu atau dikenali dengan al-hadith *al-maudhu'*(الحديث الموضوع) adalah haram untuk dibaca di hadapan khalayak melainkan diterangkan kepalsuannya. Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ[21]

"Sesungguhnya berdusta ke atasku (menggunakan namaku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka".

Hadith ini adalah *mutawatir*[22].

Kata al-Hafizd Ibn Hajar al-`Asqalani (W: 852H) dalam mengulas hadith ini:

"Ia merangkumi setiap pendusta ke atas Nabi ﷺ dan semua jenis pendustaan ke atas baginda."[23].

Bahkan kita lebih wajar berhati-hati pada memandang baginda ﷺ pernah memberi amaran:

---

[21] Diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim.

[22] Lihat: Ibn al-Salah(ابن الصلاح),`Ulum al-Hadith, m.s. 239. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asarah (1986).

[23] Ibn Hajar al-`Asqalani, Fath al-Bari,1/270. Beirut: Dar al-Fikr.

يَكُونُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ دَجَّالُونَ كَذَّابُونَ يَأْتُونَكُمْ مِنَ الْأَحَادِيثِ بِمَا لَمْ تَسْمَعُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ لَا يُضِلُّونَكُمْ وَلَا يَفْتِنُونَكُمْ[24]

"Pada akhir zaman akan ada para dajjal lagi pendusta. Mereka membawa kepada kamu hadith-hadith yang tidak pernah kamu dan bapa-bapa kamu mendengarnya. Kamu hendaklah berhati-hati dengan mereka agar mereka tidak menyesatkan kamu dan memfitnah kamu (menipu kamu sehingga yang batil disangkakan benar)".

Kata al-Imam Ibn al-Salah (643H)

"Tidak halal kepada sesiapa yang mengetahui sesuatu hadith palsu meriwayatkannya dalam apa bentuk sekalipun, melainkan disertai dengan menerangkan kepalsuannya"[25].

Setiap kita wajar berhati-hati dalam masalah ini.

Ini kerana hadith adalah agama dan ia pegangan yang menjadi hujah kita di akhirat kelak. Adalah satu kebodohan apabila kita mengambil fakta yang palsu untuk dijadikan hujah di mahkamah Allah Yang Maha Adil lagi Maha Mengetahui.

[24] Riwayat Muslim.

[25] Ibn al-Salah,`Ulum al-Hadith, m.s.98

Dalam kebanyakan keadaan, hujah-hujah palsu tidak dapat mempertahan seseorang di mahkamah dunia, apakah hujah dan dalil palsu dapat membela seseorang di mahkamah akhirat kelak?!!

Demikian juga periwayatan hadith palsu dalam masa yang sama menipu orang lain apabila disandarkan sesuatu perkara kepada Nabi ﷺ tanpa bukti yang sah. Pendengar akan terpedaya lalu mengamalkan perkara yang dianggapnya daripada Nabi ﷺ, sedang ianya bukan seperti yang disangkakan.

Al-Imam Ibn Hibban (W: 354H) (ابن حبان) dalam sahihnya meletakkan satu fasal yang beliau namakan:

فصل: ذكر إيجاب دخول النار لمن نسب الشيء إلى المصطفى صلى الله عليه وسلم وهو غير عالم بصحته[26]

(Fasal menyebut,"ketetapan memasuki neraka untuk sesiapa yang menyandarkan sesuatu kepada al-Mustafa (Nabi Muhammad) ﷺ, sedang dia tidak tahu mengenai kesahihannya").

Justeru, jika kita bukan ahli dalam bidang hadith, kita hendaklah merujuk kepada mereka yang mengetahui selok- belok hadith.

Kata al-Syu'aib al-Arnaut (شعيب الأرنؤوط):

[26] Ibn Hibban, Sahih Ibn Hibban, 1/210. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Seorang ulama hadith Syam, Badr al-Din al-Hasani telah berkata: "Tidak harus mensandarkan sesebuah hadith kepada Rasulullah ﷺ kecuali apabila dinyatakan kesahihannya oleh salah seorang huffaz[27] yang dikenali. Sesiapa yang berkata: "Rasulullah telah bersabda" sedangkan dia tidak tahu kesahihan hadith tersebut menerusi salah seorang huffaz, dibimbangi dia termasuk dalam hadith. "Sesiapa yang berdusta ke atasku apa yang aku tidak ucapkan, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka"[28].

❁ Sanad Dan Matan

Oleh kerana para pengumpul hadith seperti al-Imam Malik, Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Nasai, al-Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah, Ibn Hibban dan seumpama mereka tidak melihat Rasulullah ﷺ dengan dua mata. Mereka juga tidak mendengar ucapan baginda dengan kedua telinga mereka sendiri. Di antara mereka dan baginda adanya jarak masa. Maka yang menyampaikan berita mengenai baginda ialah orang perantaraan. Maka, antara pengumpul hadith[29]

[27] Di dalam ilmu hadith, gelaran al-Hafizd (الحافظ) ini diberikan kepada sesiapa yang begitu luas pengetahuannya dalam hadith dan seni ilmunya, sehingga apa yang dia ketahui mengenai hadith-hadith dan kecacatan-kecacatannya lebih banyak dari apa yang dia tidak ketahui. Huffaz adalah kata jama' (kata banyak iaitu pada jumlah tiga dan ke atas) bagi perkataan hafizd. Jadi huffaz di dalam bahasa melayu ialah hafizd-hafizd hadith.

[28] Syu`ib al-Arnaud, nota kaki tahqiq Siyar `Alam al-Nubala`, 19/340. Beirut: Muassasah al-Risalah.

[29] Hal ini seperti Malik bin Anas, Ahmad bin Hanbal, al-Bukhari, Muslim, al-Nasai, Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah, al-Tabarani dan selain mereka.

dengan Nabi ﷺ yang merupakan sumber ada para rawi ataupun para periwayat yang menjadi perantara. Mereka dinamakan **ruwah** (رواة) (periwayat-periwayat) atau jika seorang dipanggil rawi (راوي) (periwayat). Melalui mereka sampainya kepada kita sesuatu berita mengenai Rasulullah ﷺ.

Oleh kerana manusia terdedah kepada bersikap benar dan dusta, ingat dan lupa, tepat dan salah, maka latar peribadi para periwayat mesti diteliti dan dikaji[30]. Inilah kerja yang dilakukan oleh para ulama hadith.

Rangkaian periwayatan daripada seorang rawi kepada seorang rawi yang lain sehingga sampai kepada matan (teks) hadith atau kepada matan lain seperti perkataan ataupun perbuatan sahabat Nabi ﷺ 31) dinamakan sanad. Sebagai satu contoh, hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari:

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّه عَنْه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ

[30] Dikecualikan hal ini para sahabah Nabi ﷺ Ini kerana mereka dijamin oleh Allah dan Rasul-Nya ﷺ Penelitian juga mendapati mereka tidak pernah berbohong terhadap Nabi ﷺ

[31] Terdapat juga matan atau teks yang bukan hadith Nabi ﷺ, sebaliknya sekadar ucapan ataupun perbuatan para sahabat Nabi ﷺ ataupun selain mereka. Maka, dalam keadaan tersebut, sanad menjadi perantara antara perawi akhir dengan sumber tersebut. Ertinya, sanad bukan sahaja digunakan untuk hadith Nabi ﷺ, tetapi juga untuk sumber-sumber lain untuk mengkaji kesahihan sesuatu riwayat.

صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

Kata al-Bukhari: Telah menghadithkan (menyampaikan hadith) kepada kami Abu al-Yaman[32], dia berkata: telah mengkhabarkan kepada kami Shuaib[33], dia berkata: telah menghadithkan kepada kami Abu al-Zinad[34] daripada al-A'araj[35] daripada Abu Hurairah r.a: "Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: "Demi yang jiwaku berada dalam tangannya, tidak beriman seseorang kamu sehingga aku menjadi dikasihi olehnya lebih daripada ayah dan anaknya".

Dalam contoh di atas rangkaian nama-nama bermula daripada al-Bukhari sehingga ke Rasulullah ﷺ dinamakan sanad, iaitu:

قال البخاري حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّه عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ

Kata al-Bukhari: "Telah menhadithkan (menyampaikan

[32]Namanya Al-Hakam bin Nafi'. Meninggal pada tahun 222H. Dia adalah rawi yang dinilai sebagai thiqah thabt(ثقة ثبت)(dipercayai lagi teguh).

[33]Namanya Syu'aib bin Abi Hamzah Dinar. Meninggal pada tahun 162H. Dia adalah rawi yang thiqah(ثقة)iaitu dipercayai.

[34]Namanya 'Abd Allah bin Zakwan. Meninggal pada tahun 130H. Dia adalah rawi yang thiqah (ثقة)(dipercayai).

[35]Namanya 'Abd al-Rahman bin Hurmuz(هرمز) .Meninggal padatahun 117H. Dia adalah rawi yang dinilai sebagai thiqah thabt (ثقة ثبت) (dipercayai lagi teguh).

hadith) kepada kami Abu al-Yaman, dia berkata: Shuaib telah mengkhabarkan kepada kami, dia berkata: telah menghadithkan kepada kami Abu al-Zinad daripada al-A'Araj daripada Abu Hurairah r.a" - bahawa Rasulullah ﷺ bersabda :

Sementara kandungan atau teks hadith dinamakan **matan** iaitu:

فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

"Demi yang jiwaku berada dalam tangannya, tidak beriman seseorang kamu sehingga aku menjadi dikasihi olehnya lebih daripada ayah dan anaknya."

Dalam ilmu hadith, setiap hadith yang diriwayatkan dinilai di sudut kekuatan sanad dan matan.

❁ Kajian Sanad

Menerusi sanad maka penilaian terhadap hadith diberikan tumpuan utama. Kata Mahmud al-Tahhan:

"Sesungguhnya dalam pengkajian sanad, pada asas ia berpegang kepada ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil[36](الجرح والتعديل) *dan sejarah para perawi"*[37].

Secara umumnya kajian sanad tertumpu kepada dua perkara.

[36] Akan dijelaskan maksudnya nanti.

[37] Mahmud al-Tahhan, Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid (أصول التخريج ودراسة الأسانيد), m.s. 140. Kuwait: Maktab Dar al-Turath (1984)

1. Sejarah para periwayat atau dikenali dengan Tarikh al-Ruwah (تاريخ الرواه)

Ilmu mengenai sejarah para periwayat atau rawi ini dikenali dengan *'ilm Tarikh al-Ruwah* iaitu Ilmu Sejarah Para Periwayat. Dalam ilmu ini akan dibahaskan mengenai latar belakang setiap perawi; tarikh lahir, tarikh kematiannya, guru-guru yang dia ambil hadith mereka, tarikh pengambilan hadith daripada guru-guru berkenaan, pelajar yang mengambil hadith daripadanya, negeri dia tinggal, pengembaraannya dalam mengambil hadith, tarikh dia sampai ke negeri-negeri yang diambil hadith daripada tokoh-tokohnya, tarikh pengambilan hadith daripada sesetengah tokoh sebelum tokoh-tokoh tersebut keliru dalam periwayatan[38] dan berbagai lagi[39].

---

[38] Disebut sebagai ikhtilat (اختلاط) atau keliru dalam periwayatan. Hal ini biasa berlaku kepada sesetengah para perawi apabila umur mereka meningkat pada tempoh-tempoh tertentu. Hal ini akan dapat dikesan oleh ahli hadith dengan beberapa cara. Antaranya dengan membanding riwayat anak-anak murid awal dan kemudian yang meriwayatkan daripada mereka. Maka hadith-hadith yang diambil daripada mereka akan dikaji tarikh pengambilannya. Jika pada umur kekeliruan maka penilaian semula akan dilakukan.

[39] Hampir semua buku ilmu hadith membincangkan perkara-perkara yang disebutkan di atas. Sebagai rujukan ringkas lihat buku tulisan guru saya: Dr. Muhammad Abu al-Laith Al-Khair Abadi, 'Ulum al-Hadith, Asiluha wa Mu'asiruha, m.s 91-96. Kuala Lumpur: Dar al-Syakir (2003).

Ilmu ini sangat penting untuk mengetahui sejauh manakah benar dakwaan seseorang rawi bahawa dia benar-benar mengambil hadith daripada rawi sebelumnya.

Dengan ilmu ini dapat dilihat sejauh manakah berlakunya kesinambungan sanad, atau *ittisal al-Sanad* (اتصال السند).

Jika sanad tidak bersambung, di mana fakta latar sejarah seseorang rawi itu menunjukkan dia tidak bertemu dengan perawi yang diambil hadith daripadanya, maka sanad dianggap bermasalah. Bagaimana mungkin rawi memperolehi hadith tersebut?! Sanad yang tidak bersambung menafikan kesabitan sesebuah hadith, maka hadith dianggap tidak sabit untuk disandarkan kepada Nabi ﷺ Hal ini kerana syarat bagi hadith yang *thabit*[40] ialah bersambung sanad.

Dengan ilmu sejarah perawi ini juga para pendusta hadith dapat dikesan. Sebagai contoh apa yang disebutkan dalam Mizan al-I'tidal (ميزان الاعتدال)

[40] Hadith yang *thabit* dari segi ulama hadith ialah semua jenis hadith sahih dan hadith hasan menurut nilaian ulama hadith. [lihat: Al-Albani, Sifah Salah al-Nabi, m.s 16, Beirut: al-Maktab al-Islami (1987)]

karangan al-Imam al-Zahabi (W: 748H) (الذهبي) ketika menyebut sejarah Ma`mun bin Ahmad al-Sulami al-Harawi (مأمون بن أحمد الهروي).

Ma`mun ini telah mendakwa beliau meriwayatkan hadith daripada Hisyam bin 'Ammar. Kata al-Zahabi ketika memperkenalkannya:

مأمون بن احمد السلمي الهروي قال ابن حبان دجال ويقال له مأمون بن عبدالله ومأمون أبو عبد اللّه قال ابن حبان سألته متى دخلت الشام قال سنة خمسين ومائتين قلت فإن هشاما الذي تروي عنه مات سنة خمس وأربعين ومائتين[41]

(Ma`mun bin Ahmad al-Sulami al-Harawi…kata Ibn Hibban: "Beliau dajjal*[42]*. Dia dipanggil juga dengan nama Ma`mun bin 'Abd Allah dan Ma`mun Abu 'Abd Allah". Kata Ibn Hibban lagi: "Aku bertanya dia: bilakah engkau memasuki Syam?. Jawabnya: "Tahun 250H". Aku berkata: "Sesungguhnya Hisyam yang engkau (mendakwa) meriwayatkan daripadanya telah mati pada tahun 245H").

Lihat, bagaimana ilmu sejarah para perawi membantu para ulama hadith mengetahui sejauh

[41] Al-Zahabi, Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal, 6/11. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

[42] Lafaz yang digunakan oleh ulama hadith bagi menunjukkan dia seorang pendusta hadith.

manakah kebenaran dakwaan periwayatan seseorang perawi.

2. Ilmu *Al-Jarh wa al-Ta'dil* (الجرح والتعديل)

Al-Jarh wa al-Ta'dil terdiri daripada dua perkataan *Al-Jarh dan al-Ta'dil.*

Al-Jarh ialah sifat-sifat rawi yang menyebabkan ditolak hadithnya dan tidak diterima riwayatnya. Sementara **al-Ta'dil** bermaksud, sifat-sifat rawi yang menyebabkan diterima riwayatnya dan dijadikan hujah hadithnya.

Ini semua berdasarkan ciri-ciri yang mesti dipenuhi untuk dia diterima atau ditolak[43].

Dalam ilmu hadith, ada kitab-kitab khas mengenai latar belakang para perawi atau dikenali dengan kutub al-Rijal (كتب الرجال). Termuat dalam kitab-kitab tersebut latar sejarah perawi dan juga komentar para penganalisa rawi (ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil*) mengenai diri mereka. Di mana, para penganalisa rawi akan mengkaji kedudukan atau kekuatan setiap

[43] Muhammad Adib Salih, Lamahat fi Usul al-Hadith m.s.326. Beirut: al-Maktab al-Islami (1988).

perawi dalam periwayatan mereka. Setiap mereka akan dinilai apakah dia kuat atau lemah dalam riwayat, atau mungkin juga seorang pendusta.

Di dalam kitab-kitab ini juga akan dibongkar kejahatan para pendusta yang memasukkan dan mencipta hadith-hadith palsu. Para ulama hadith dalam bidang *al-Jarh wal al-Ta'dil* ini (penganalisa rawi) telah mengembelingkan usaha yang begitu hebat dalam meneliti dan menilai peribadi-peribadi para periwayat.

Mereka juga memberikan taraf kedudukan setiap perawi yang dikaji sama ada boleh diterima ataupun ditolak periwayatan mereka dengan pelbagai ungkapan yang menunjukkan status-status yang pelbagai[44].

Seni ini sangat menarik dan hebat jika kita mengkajinya. Sanad adalah pengesan utama dalam mengenali hadith-hadith yang datang daripada para pendusta.

[44] Ini seperti daif, laiyin, mudallis, kazzab, lahu auham, thiqah, thabt, thiqatu thiqah dan banyak lagi

Sebagai contoh mudah untuk pemahaman awal, hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah, katanya:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ الْوَلِيدِ الْمَدَنِيُّ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ عِشْرِينَ رَكْعَةً بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

"Telah menyampaikan hadith kepada kami Ahmad bin Mani', katanya: Telah menyampaikan hadith kepada kami Ya'qub bin al-Walid al-Madani, daripada Hisyam bin 'Urwah daripada bapanya ('Urwah bin al-Zubair) daripada 'Aisyah r.a, katanya: Sabda Rasulullah ﷺ : "Sesiapa yang bersolat antara maghrib dan Isyak dua puluh rakaat, Allah bina untuknya rumah dalam syurga".

Dalam rangkaian sanad di atas ada rawi yang bernama Ya'qub bin al-Walid al-Madani. Beliau seorang yang disepakati kelemahannya, bahkan al-Imam Ahmad meletakkannya dalam senarai pendusta besar dan pemalsu hadith. Kata al-Imam al-Busiri (W: 840H)(البوصيري) ketika menilai hadith-hadith Ibn Majah dalam Misbah al-Zujajah fi Zawaid Ibn Majah (مصباح الزجاجة في زوائد ابن ماجه): Ya'qub bin al-Walid: kata al-Imam al-Imam Ahmad mengenainya:

"Dia daripada kalangan pendusta besar dan dia memalsukan hadith"[45].

Demikian juga imam-imam ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil[46] iaitu Yahya bin Main dan Abu Hatim menilai Ya'qub bin al-Walid al-Madani ini sebagai pendusta.

Justeru para pengkaji, antaranya al-Syeikh Nasir al-Din al-Albani r.h. menilai hadith yang disebut di atas sebagai palsu[47].

Kesimpulan, jika padanya terdapat masalah pada sanad, seperti rawi yang tidak dipercayai atau pendusta[48], atau rawi yang lemah, atau rawi tidak bertemu antara satu sama lain dan berbagai-bagai pendetilan lain yang dibahaskan oleh ulama hadith muhaddithin maka hadith boleh dinilai sebagai tidak sahih.

---

[45] Al-Busiri, Misbah al-Zujajah fi Zawaid Ibn Majah, 2/150. Beirut: Dar al-Ma'rifah (1997).

[46] Telah diterangkan maksudnya sebelum ini.

[47] Al-Albani, Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah, 1/680. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif (1995). Dalam masa yang sama al-Syeikh al-Albani menyebut satu perkara yang berfaedah untuk diketahui iaitu katanya: "Ketahui bahawa setiap hadith yang diriwayatkan berkaitan penentuan bilangan rakaat tertentu antara maghrib dan isyak adalah tidak sahih. Sebahagian lebih lemah daripada sebahagian yang lain".

[48] Di dalam ilmu hadith

❁ Sanad Sebagai Benteng Para Imam

Demikian sanad berfaedah untuk mengelakkan seseorang dituduh atau dianggap sebagai pendusta. Setiap yang membawa sesuatu hadith dan menyatakan sanadnya sekalipun tidak menyebut kedudukan hadith tersebut bererti dia secara tidak langsung dia telah menunjukkan nilai hadith berkenaan menerusi nama para perawi yang ada pada sanad.

Justeru itu hadith-hadith yang ada dalam kitab-kitab hadith seperti Sunan Ibn Majah di atas sekalipun ada yang palsu, namun pengarangnya tidak boleh dipersalahkan kerana beliau telah menyatakan sanad. Tanggungjawab pembacalah untuk menilainya.

Kata para ulama hadith:

من أسند الحديث فقد أحالك على إسناده والنظر في أحوال رواته والبحث عنهم[49]

(Sesiapa yang mensanadkan hadith sesungguhnya dia telah menunjukkan engkau sanad hadith tersebut, (agar engkau memberi) perhatian terhadap hal ehwal para periwayatnya dan kajian tentang mereka)

[49]Al-'Alai(العلائي), Jami' al-Tahsil fi Ahkam al-Marasil, m.s 34. Beirut: 'Alam al-Kitab.

❁ Kajian Matan

Setelah dinilai sanad hadith, inti kandungan atau matan juga akan dinilai dan disemak. Hal ini kerana salah satu syarat kesahihan hadith itu tiada shadz (pertembungan dengan fakta yang lebih kuat). Ini melalui berbagai proses. Antaranya dengan membandingkannya dengan riwayat-riwayat yang lain yang kukuh dan kuat. Juga melihatnya apakah ada percanggahan[50] dengan al-Quran atau riwayat yang lebih kukuh, maka sesuatu riwayat hadith akan ditolak.

Langkah ini dipanggil dalam ilmu hadith sebagai Naqd al-Mutun (النقد والمتون) atau mengkritik teks iaitu dengan melihat sejauh manakah kebenaran yang boleh dipercayai daripada sesuatu teks. Ini dengan cara membandingkan teks tersebut dengan al-Quran, atau as-Sunnah, atau sejarah yang boleh dipegang, atau akal yang waras, atau apa yang kita saksi di alam kenyataan.

[50] Maksudnya percanggahan yang nyata yang tidak dapat dirungkaikan.

Sehingga al-Imam Ibn Jauzi menyebut (W: 597H):

إذا رأيت الحديث يباين المعقول أو يخالف المنقول أو يناقض الأصول فاعلم أنه موضوع[51]

(Apabila engkau melihat sesebuah hadith menyanggahi logik, menyalahi manqul (al-Quran) dan bertentangan dengan usul-usul Islam, maka ketahui ianya hadith yang palsu).

Kata Dr. al-Syeikh Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (أبو شهبة):

"Sepertimana para ulama hadith mengambil berat berhubung analisa kritis terhadap sanad yang merupakan analisa kritis luaran, mereka juga membuat analisa kritis terhadap matan (textual criticism) iaitu analisa kritis dalaman. Ini terbukti dengan mereka menjadikan salah satu tanda-tanda hadith palsu ialah percanggahannya dengan akal, atau al-musyahadah (المشاهدة) (apa yang disaksi di alam kenyataan), atau al-hiss (الحس) (apa yang dikesan oleh pancaindera) sedangkan percanggahan itu tidak mampu untuk ditakwilkan dengan takwilan yang hampir dan mungkin[52]. Dalam banyak keadaan mereka maksudkan ialah percanggahan dengan al-Quran, atau as-Sunnah yang masyhur lagi sahih, atau sejarah yang diketahui, sedangkan ianya tidak mampu

[51] Al-Sayuti, Tadrib al-Rawi (تدريب الراوي), m.s. 182. Beirut: Dar al-Fikr (1993).

[52] Maksudnya percanggahan tersebut tidak dapat dirungkaikan dengan sebarang tafsiran yang membolehkan kita menerimanya sebagai satu kemungkinan maksud hadith tersebut.

untuk ditaufiqkan (diselaraskan). Para ulama hadith menjadikan antara jenis hadith dhaif ialah hadith munkar[53], shadz[54] (شاذ), mu'allal al-Matn[55], Mudtarib

[53]Munkar: iaitu hadith yang "rawinya (periwayatnya) lemah meriwayatkan apa yang menyanggahi rawi yang lebih thiqah (dipercayai).

[54]Shadz: iaitu apa yang diriwayatkan oleh seorang rawi yang maqbul (yang diterima riwayatnya), menyanggahi rawi yang lebih diterima daripadanya, disebabkan lebih kuat ingatannya, atau jumlah periwayatnya lebih ramai.

[55] Mu'allal al-matn (معلل المتن) bermaksud matan yang mempunyai 'illah (علة) iaitu penyakit atau kecacatan yang tersembunyi. Dari segi istilah ia memberi maksud "hadith yang zahirnya nampak selamat, namun setelah diteliti ia mempunyai kecacatan". Maka hadith mu'allal (yang ada 'illah) ialah hadith yang pada zahir memenuhi syarat-syarat untuk disahihkan, sehingga sesiapa yang melihatnya menyangka ia sahih. Namun apabila ia dikemukakan kepada ahli hadith yang benar-benar pakar, dia tidak akan menerimanya disebabkan kecacatan tersembunyi yang ada. Hal ini kerana pakar hadith akan meneliti setiap riwayat golongan yang dipercayai secara satu persatu serta membuat perbandingan satu riwayat dengan yang lain. Sebabnya, seseorang rawi walaupun thiqah (dipercayai) namun bukanlah bererti dia akan terlepas daripada kesilapan yang kadangkala ia boleh berlaku. Boleh jadi seseorang rawi yang thiqah itu meriwayatkan hadith di luar negerinya di mana dia tidak membawa kitab-kitabnya bersama, lalu dia tersilap ingatannya. Kadangkala pula rawi yang dipercayai itu, apabila usia meningkat lanjut, berlaku kekeliruan dalam ingatannya. Kadangkala dia tidak perasan dia meriwayatkan daripada gurunya yang mempunyai kecacatan dalam sebutan huruf atau perkataan, maka terubah perkataan dan hurufnya. Kadangkala rawi yang thiqah meriwayatkan secara ringkas lalu terubah maksud hadith. Kadangkala dia ingin menyebut sesuatu sanad, lalu tersebut sanad lain yang tidak dimaksudkannya Juga berbagai keadaan lagi. Para pakar hadith akan dapat mengesan hal ini dengan membuat pembandingan riwayat secara menyeluruh. Inilah satu ilmu yang sangat hebat dalam ilmu hadith. Jika musuh-musuh Islam mengetahuinya nescaya mereka akan terpukau dengan kehebatan para ulama hadith. [lihat: Dr. Hammam Sa'id, Al-Tamhid fi 'Ulum al-Hadith, m.s. 129-131. Jordan: Dar al-Furqan (1992)]

al-Matn[56]*(* مضطرب المتن*) dan lain-lain*[57]*.*

Maka hadith yang menyanggahi al-Quran atau as-Sunnah atau prinsip-prinsip Islam, atau fakta yang benar akan ditolak. Maksud percanggahan di sini ialah percanggahan yang tidak mungkin dapat ditafsir atau dirungkaikan.

Sebagai contohnya riwayat palsu:

وَلَدُ الزِّنا لا يَدخُلُ الجنّة

(anak zina tidak akan masuk syurga)

Riwayat ini secara terang menyanggahi al-Quran yang menyebut dalam Surah al-Isra' ayat 15:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى

"Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain".

Maka, mana mungkin anak zina dihukum disebabkan perbuatan kedua ibu bapanya?!!.

---

[56]Mudtarib al-Matn: iaitu hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi, atau lebih dalam keadaan matan yang bercanggahan antara satu sama lain, sedangkan kekuatan periwayatannya sama, sehingga tidak dapat ditarjihkan (ditentukan yang mana yang lebih kuat) dan tidak mungkin dapat diselaraskan.

[57] Abu Syahbah, Difa ' an as-Sunnah, m.s. 31. Kaherah: Maktabah as-Sunnah (1989).

Demikian juga jika ada hadith yang menyebut tarikh hari kiamat, maka ia adalah hadith dusta. Hal ini kerana bercanggah dengan nas al-Quran dalam Surah al-'Araf ayat 187:

يَسْأَلُونَكَ عَنْ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia."

Contoh menyanggahi prinsip-prinsip Islam; hadith-hadith yang menyatakan orang yang bernama Muhammad atau Ahmad tidak akan masuk neraka. Hal ini bercanggah dengan prinsip bahawa syurga dan neraka dinilai melalui amalan soleh. Ahli syurga adalah golongan yang beriman dan soleh. Sementara neraka dimasukkan ke dalamnya ahli maksiat walau apa nama dan panggilannya.

Kata al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah:

> *"Ini bercanggah dengan apa yang diketahui daripada agama Nabi ﷺ iaitu; bahawa neraka tidak dapat dielakkan darinya dengan nama dan gelaran. Sebaliknya, yang menyelamatkan dari neraka ialah iman dan amalan soleh"*[1].

[1] Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Al-Manar al-Munif, m.s. 57. Beirut: Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyyah (1994)

Sila baca buku tulisan saya **Hadith Palsu: Kesan Negatif Terhadap Imej Islam**[58].

[58]Buku ini juga telah dicetak oleh Jabatan Mufti Perlis dengan sumbangan MAIPs. Ia diedarkan secara percuma.

BAB KETIGA

ASAS MEMAHAMI MATAN HADITH

Sebelum seseorang ingin mengamalkan isi kandungan sesebuah hadith, terlebih dahulu dia perlulah memahami matannya dengan betul. Dalam bab ini, akan diterangkan beberapa langkah asas bagi memahami matan sesebuah hadith Nabi ﷺ.

❁ Langkah-Langkah Utama

Di sana tiga langkah asas bagi yang mesti dilalui oleh pengkaji hadith bagi mengelakkan salah tafsiran dan penilaian terhadap makna sesebuah hadith. Di sini saya sebutkan langkah-langkah tersebut secara ringkas:

Pertama: Memastikan kesabitan[59] atau kesahihan sesebuah hadith yang hendak pegang atau diamalkan.

Penilaian ini hendaklah dirujuk kepada para ulama hadith. Hal ini kerana jika sesebuah hadith itu ternyata tidak sahih daripada Nabi ﷺ, maka kita tiada keperluan mendalami maksud matannya kerana tiada tuntutan syarak untuk kita mengetahui dan beramal dengan perkara yang tidak benar. Hal ini melainkan kita sekadar ingin mengkaji maksud hadith palsu itu di sudut bahasa atau seumpamanya yang bukan bertujuan amalan. Perkara ini secara umumnya telah diterangkan dalam perbincangan yang lepas.

[59] Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa hadith yang *thabit* di sisi ulama hadith ialah semua jenis hadith sahih dan hadith hasan.

Kedua: Memastikan kaedah memahami matan hadith tersebut adalah kaedah yang betul.

Kaedah yang betul akan membuahkan kefahaman yang betul. Terutamanya ketika memahami setiap perkataan dalam sesebuah hadith dengan kaedah bahasa yang betul. Juga memahami konteks asal sesebuah hadith supaya kita tidak meletakkannya dalam konteks yang salah. Sebahagian daripada teras-teras memahami matan hadith tersebut akan disebutkan nanti. Kajian matan berperanan dalam menentukan kesahihan sesebuah hadith seperti yang kita jelaskan sebelum ini.

Ketiga: Memastikan maksud sesebuah hadith itu tidak bercanggah dengan dalil yang lebih kuat daripadanya iaitu al-Quran dan hadith-hadith lain yang sanadnya lebih kuat.

Percanggahan yang dimaksudkan ialah percanggahan yang tidak mampu dirungkaikan sama sekali.

❁ Ilmu-Ilmu Asas Dalam Memahami Matan Hadith

Di sini disebutkan beberapa ilmu yang mesti diketahui oleh seseorang yang ingin memahami dan menghuraikan hadith Nabi ﷺ.

ASAS ILMU HADITH

ILMU GHARIB AL-HADITH

Gharib al-Hadith (غريب الحديث) bermaksud:

"Perkataan-perkataan yang terkandung dalam matan hadith yang tidak jelas dan sukar difahami"[60].

Hal ini bukan bermaksud Nabi ﷺ bercakap dengan perkataan-perkataan yang tidak boleh difahami, kerana itu boleh mencacatkan sifat tabligh (menyampai) yang ada pada baginda.

Pun begitu jika ada baginda menggunakan istilah-istilah dengan maksud yang baru, baginda akan terang. Maka, apa yang dimaksudkan dalam ilmu gharib al-hadith ialah perkataan-perkataan yang difahami pada zaman Nabi ﷺ, namun ia menjadi tidak jelas kepada generasi kemudian yang mengalami penurunan dari segi penguasaan bahasa 'Arab.

[60] Ibn al-Salah, *'Ulum al*-Hadith, m.s. 272.

Kata Dr. Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib:

“Sesuatu yang perlu diperjelaskan bahawa ucapan Rasulullah ﷺ bukanlah sesuatu yang tidak difahami oleh umat Arab pada awal Islam. Hal ini kerana, Nabi ﷺ adalah sefasih-fasih orang Arab, yang paling sedap ucapannya, yang paling tepat perkataannya, yang paling jelas hujahnya, yang paling kukuh ungkapannya, yang paling mengerti kesesuaian kepada siapa yang dibicaranya. Hal ini bukanlah sesuatu yang pelik, kerana Allah telah mengutuskan baginda kepada suatu bangsa yang berbangga dengan bahasanya, yang terpukau dengan kalimat-kalimatnya. Baginda berbicara kepada bangsa Arab yang berbagai kabilah dan loghat dengan bahasa yang difahami oleh mereka. Sekiranya ada ucapan baginda yang tidak difahami oleh seseorang mereka maka dia bertanya kepada baginda, lalu baginda menjelaskannya. Namun, tidak lama selepas baginda wafat, ramai orang daripada kalangan bangsa lain telah masuk ke dalam Islam. Mereka mempelajari bahasa Arab untuk keperluan mereka ketika berbincang dan bercakap. Maka sudah pasti ada perkataan-perkataan Nabi ﷺ yang asing bagi mereka, berbanding dengan orang Arab. Maka lahirlah generasi-generasi baru yang terdiri dari bangsa-bangsa tersebut yang memerlukan pengetahuan terhadap banyak perkataan-perkataan Nabi ﷺ. Dengan itu, maka para ulama mengambil langkah segera dengan menerang dan mensyarahkan perkataan-perkataan tersebut. Bahkan mereka melihat penting untuk mensyarahkan hadith keseluruhannya”[61].

[61] Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib, Usul al-Hadith, m.s. 280-281. Beirut: Dar al-Fikr (1989).

Justeru, kita dapati pengetahuan mengenai bahasa menurun, sehingga dalam kalangan yang berketurunan Arab juga tidak lagi menguasai perbendaharaan kata Arab seperti yang dikuasai oleh generasi sebelumnya. Maka para ulama mengambil tanggungjawab mengarang kitab-kitab yang menjelaskan maksud perkataan-perkataan yang diguna pakai dalam hadith yang kurang jelas atau kurang difahami oleh kebanyakan orang, atau yang tersalah ungkap[62].

Ilmu menguasai maksud perkataan-perkataan yang tidak jelas atau tidak difahami itu dinamakan dengan ilmu Gharib al-Hadith.

Pengetahuan terhadap ilmu ini sangat penting bagi sesiapa yang ingin menghuraikan hadith supaya dia tidak tersilap dalam memahami sesuatu perkataan, lalu tersilap memahami maksud hadith. Sehingga al-Imam Ahmad apabila ditanya satu perkataan dalam hadith yang tidak difahaminya, beliau berkata:

> *"Tanyalah mereka yang ahli dalam ilmu Gharib al-hadith, sesungguhnya aku benci bercakap mengenai ucapan Rasulullah ﷺ secara sangkaan, lalu aku*

[62]Antara yang terkenal, karangan al-Imam Ibn al-Athir(النهاية في غريب الحديث والأثر).

tersilap"[63].

Daripada ucapan al-Imam Ahmad bin Hanbal yang merupakan tokoh hadith yang unggul serta imam bagi salah satu mazhab fekah dalam Islam yang besar, maka dapat kita simpul beberapa perkara, antaranya; seseorang tidak boleh mengulas hadith Nabi ﷺ tanpa ilmu yang jelas.

Juga, bukan sebuah yang menghafal hadith mengetahui maksud setiap kalimat di dalam matannya. Kita juga dapat menyimpulkan, bahawa bukan semestinya seseorang yang memahami atau bertutur dalam bahasa Arab akan memahami semua perkataan dalam hadith. Bahkan di sana adanya perkataan-perkataan yang tidak jelas yang mesti dirujuk kepada pakar bahasa Arab yang menguasi ilmu *Gharib al-Hadith*.

Sebagai satu contoh,al-Imam Ibn al-Athir ابن الأثير (W: 606H) dalam karya terkenal beliau di bidang ini iaitu *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar* (النهاية في غريب الحديث والأثر) ketika memberi maksud kepada ungkapan ناعوس البحر dalam hadith riwayat Muslim[64], beliau menyebut:

[63] Al-Sayuti, Tadrib al-Rawi, m.s. 358.

[64] Hadith Dhimad al-Azdi(ضماد الأزدي) yang menyebut kepada Nabi ﷺ: فَمَا سَمِعْتُ مِثْلَ كَلِمَاتِكَ هَؤُلَاءِ وَلَقَدْ بَلَغْنَ نَاعُوسَ الْبَحْرِ maksudnya: "Aku tidak pernah mendengar seperti kalimat-kalimat engkau tersebut. Sesungguhnya ia telah sampai kepada Na'us al-Bahr"

وفيه [إنّ كلماتِه بَلَغَت ناعُوسَ البحر] قال أبو موسى : هكذا وقع في صحيح مسلم في سائر الروايات [قاموس البحر] وهو وسَطُه ولُجَّته ولعله لم يُجَوِّد كِتْبتَهُ فصَحَّفَه بعضُهم [65]

(Berhubung perkataan نعس *terdapat hadith "Sesungguhnya kalimat-kalimatnya telah mencapai na'us (*ناعوس*) laut. Kata Abu Musa: Demikianlah yang terdapat dalam Sahih Muslim, sedangkan dalam semua riwayat lain perkataan ialah qamus (*قاموس*) laut iaitu bermaksud tengah-tengah laut dan dasarnya yang paling dalam. Kemungkinan dia (Muslim) tidak mengelokkan tulisannya lalu sebahagian mereka telah tersalah salin".*

❁ Keperluan Bahasa Arab

Mengambil ruang atas tajuk Gharib al-Hadith ini, maka ditegaskan peri kepentingan menguasai bahasa Arab sebelum membuat huraian atau kesimpulan sendiri terhadap sesuatu hadith. Jika seseorang tidak menguasai bahasa Arab, dia hendaklah bergantung sepenuhnya kepada huraian para ulama yang memiliki kefahaman berkaitan hadith yang ingin dihuraikan.

Huraian yang dibuat oleh seseorang secara kesimpulannya sendiri sedangkan beliau tidak

[65]Ibn al-Athir, al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar, 5/69. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah 1418H.

menguasai atau memahami bahasa Arab dibimbangi akan menjerumuskannya ke dalam kesalahan. Bahkan boleh menjerumuskannya kepada sejenis daripada pendustaan terhadap Rasulullah ﷺ

Sebagai contoh hadith:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ[66]

"Islam bermula dalam keadaan asing, akan kembali dalam keadaan asing sepertimana ia bermula. Beruntunglah mereka yang asing".

Dalam hadith ini disebut perkataan *gharib*. Perkataan *gharib* dalam bahasa Arab bermaksud asing atau pelik, seperti tajuk ilmu yang sedang kita bincangkan Gharib al-hadith iaitu perkataan yang dianggap asing atau pelik yang ada dalam hadith.

Namun sebahagian terjemahan melayu menterjemahkannya dengan perkataan dagang. Maka diterjemahkan *"Islam bermula dalam keadaan dagang, akan kembali dalam keadaan dagang sepertimana ia bermula. Beruntunglah mereka yang dagang".*

[66] Riwayat Muslim, al-Tirmizi dan Ibn Majah. Perkataan dalam hadith ini semuanya jelas. Tiada yang dianggap sebagai tidak jelas atau tidak difahami. Ia tidak termasuk dalam Gharib al-hadith.Cumanya, hadith contoh di atas kebetulan terdapat perkataan 'gharib'.

Bagi sesetengah penceramah yang tidak menguasai bahasa Arab, apabila dia berpegang kepada terjemahan ini, dia menyangka dagang dengan maksud berniaga. Lalu dihurainya secara panjang lebar dalam ceramah atau kuliahnya bahawa Islam pada awal datangnya bagaikan seseorang yang baru berniaga, yang terpaksa mencari pelanggan, yang belum tentu orang membelinya dan berbagai lagi huraian yang tidak berasaskan maksud asal hadith berkaitan.

Inilah bencana apabila dia tidak memahami bahasa Arab, bergantung kepada terjemahan dan salah dalam memahami terjemahan. Perkataan 'dagang' yang diterjemahkan itu bermaksud asing. Seperti kita sebut 'anak dagang'. Ia bukan bermaksud anak peniaga, tetapi bermaksud dia asing di tempat orang.

Apabila dia tidak memahami bahasa Arab maka dia mudah tersasar daripada maksud yang sebenar. Maksud hadith ini seperti yang dipetik oleh al-Imam al-Nawawi (W: 676H) dari al-Qadi bin 'Iyad:

> *"Sesungguhnya Islam bermula dengan beberapa orang manusia dan sedikit jumlahnya. Kemudian akan tersebar dan menang. Kemudian akan kembali berkurangan dan menjadi sedikit, sehingga tidak tinggal melainkan beberapa orang sahaja dan jumlahnya sedikit seperti mana ia bermula"*[67].

[67] Al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, 2/334. Beirut: Dar al-Khair (1414H).

ASAS ILMU HADITH

ILMU SABAB WURUD AL-HADITH

Jika dalam pengajian tafsir ada bab yang dinamakan *Sabab al-Nuzul*, maka dalam hadith ia dinamakan *Sabab al-Wurud* atau *Sabab Wurud al-Hadith*. Saya ta'rifkan *Sabab Wurud al-Hadith* sebagai:

ما دعا الحديثَ إلى وجوده، أيام صدوره

Apa yang membawa kepada kewujudan hadith pada hari-hari kemunculannya.

Maksudnya faktor yang menyebabkan sesebuah hadith itu terbit daripada Nabi ﷺ. Iaitu faktor-faktor yang menyebabkan baginda mengucapkan sesuatu ucapan, atau melakukan sesuatu perbuatan, atau mengakui sesuatu tindakan.

Memahami sebab-sebab yang menyebabkan terbitnya sesebuah hadith adalah sangat mustahak. Tujuannya bagi mengelakkan kita meletakkan hadith tidak kena pada tempatnya.

Hal ini kerana kadangkala sebab sesuatu hadith sangat mempengaruhi maksud hadith. Kegagalan memahami sebab sebenar sesuatu hadith itu terjadi boleh membawa kepada kesalahan faham kepada maksud hadith.

Sebagai contoh hadith:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّه عَنْهمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّم:لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ وَإِذَا اسْتُنْفِرْتُمْ فَانْفِرُوا[68]

Daripada Ibn 'Abbas r.ahuma, katanya: sabda Rasulullah ﷺ: "Tiada hijrah selepas pembukaan Kota Mekah, jihad dan niat. Apabila kamu diminta keluar berjihad maka keluarlah".

Ramai penceramah dan pengulas yang salah memahami hadith ini. Mereka menyangka bahawa selepas pembukaan kota Mekah, perintah hijrah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain telah dibatalkan sama sekali. Maka menurut mereka, pada zaman sekarang tiada lagi hijrah, sebaliknya yang tinggal ialah jihad dan niat.

Hadith ini sebenarnya ada sabab wurudnya. Hal ini dapat dilihat apa yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas juga, mana beliau:

[68] Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

قَالَ يَوْمَ الْفَتْحِ لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ وَإِذَا اسْتُنْفِرْتُمْ فَانْفِرُوا

"Sabda Nabi pada hari Pembukaan (penawanan) Mekah: Tiada hijrah selepas Pembukaan Mekah, jihad dan niat. Apabila kamu diminta keluar berjihad maka keluarlah".

Jadi hadith ini berkaitan dengan Pembukaan Mekah. Sebab baginda mengucapkan demikian kerana Mekah telah bertukar dari tanah air yang dikuasai oleh musuh Islam kepada tanah air Islam. Justeru, tidak perlu lagi orang Mekah berhijrah ke Madinah seperti yang menjadi tuntutan sebelum itu.

Hadith ini tidak bermaksud hijrah dibatalkan untuk semua manusia, tetapi hanya untuk sesiapa yang tanah airnya telah menjadi tanah air Islam seperti penduduk Mekah. Adapun bagi mereka negerinya dikuasai oleh musuh dan dia pula ditindas agamanya, maka perintah hijrah tetap ada kepadanya. Justeru itu 'Aisyah r.ha apabila ditanya mengenai hijrah, beliau menyatakan:

لَا هِجْرَةَ الْيَوْمَ كَانَ الْمُؤْمِنُونَ يَفِرُّ أَحَدُهُمْ بِدِينِهِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى وَإِلَى رَسُولِهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَخَافَةَ أَنْ يُفْتَنَ عَلَيْهِ فَأَمَّا الْيَوْمَ فَقَدْ أَظْهَرَ اللَّهُ الْإِسْلَامَ وَالْيَوْمَ يَعْبُدُ رَبَّهُ حَيْثُ شَاءَ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ[69]

[69] Riwayat al-Bukhari.

"Tiada lagi hijrah pada hari ini. Dahulunya seseorang mukmin melarikan diri membawa agamanya kepada Allah dan Rasulullah ﷺ, kerana takut dia difitnah (diganggu agamanya). Adapun hari ini, Allah telah memenangkan Islam. Hari ini seseorang mukmin menyembah tuhannya di mana sahaja yang dia mahu. Namun yang ada ialah jihad dan niat".

Kesimpulannya, ucapan Nabi ﷺ dalam hadith yang menyatakan tiada hijrah itu adalah atas dasar kemenangan Islam di Mekah. Bagi negeri yang kaum muslimin ditindas agamanya, maka hadith tersebut tidak ditujukan kepada mereka.

Kata al-Imam al-Nawawi (W: 676H):

"Kata para ulama: Hijrah daripada Dar al-Harb (tanah air yang memerangi Islam) kepada Dar Islam (tanah air Islam) kekal sehingga hari kiamat. Bagi hadith ini dua takwilan; pertama: Tiada hijrah daripada Mekah selepas pembukaannya, kerana Mekah telah menjadi Dar Islam. Adapun hijrah hanya daripada Dar al-Harb. Hadith ini mengandungi mukjizat Rasulullah ﷺ bahawa Mekah akan kekal sebagai Dar Islam, yang tidak terbayang untuk berhijrah daripadanya. Kedua: maksudnya tiada hijrah selepas Pembukaan Mekah yang kelebihannya seperti kelebihan sebelum pembukaannya"[70].

[70] Al-Nawawi, Syarh Sahih Muslim, 3/481-482.

Kata al-Munawi (W: 1031H) mengulas hadith ini:

> *"Tiada hijrah wajib daripada Mekah ke Madinah selepas Pembukaan Mekah, seperti kewajipan sebelumnya. Ini kerana Mekah telah menjadi Dar Islam (tanah air Islam)...maka maksud tiada hijrah selepas Pembukaan Mekah ialah untuk orang Mekah yang belum berhijrah sebelum itu. Adapun hijrah daripada negeri kufur ianya kekal sehingga kiamat"*[71].

Di sana berbagai contoh lagi yang menunjukkan kegagalan memahami *Sabab Wurud al-Hadith* membawa kepada kesalahan memahami maksud dan tujuan hadith.

[71] Al-Munawi, Faidh al-Qadir, 6/438. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah (1357H).

ASAS ILMU HADITH

ILMU NASIKH DAN MANSUKH

Perkataan *nasikh* (ناسخ) bermaksud pembatal. Sementara *mansukh* (منسوخ) bermaksud yang dimansuhkan[72] atau sesuatu yang dibatalkan. Dalam ilmu *nasikh* dan *mansukh* hadith ini, mengenali hadith yang membatalkan (nasikh) dan hadith yang dibatalkan (mansukh).

Dari segi istilah ilmu, pembatalan hukum (nasakh) bermaksud:

> *"Syarak membatalkan hukum yang awal dengan dibawa datang hukum yang baru"*[73].

Ilmu ini ada dibahaskan dalam pengajian ilmu al-Quran, demikian juga ia dibahaskan dalam ilmu hadith. Dalam ilmu hadith, para ulama mengkaji dan meneliti hadith-hadith yang telah dibatalkan hukum syarak yang ada di dalamnya disebabkan datangnya hukum yang baru dengan hikmah tertentu.

---

[72] Perkataan mansuh yang digunakan dalam Bahasa Melayu sebentarnya diambil daripada Bahasa Arab iaitu mansukh.

[73] Lihat: Al-'Iraqi, Al-Taqyid wa al-Idah(التقييد والإيضاح)m.s. 263. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah (1991).

Dalam masa yang sama kita perlu tahu bahawa terdapat hadith-hadith yang para ulama khilaf tentang kedudukannya sama ada *mansukh* ataupun tidak. Terdapat hadith yang dianggap *mansukh* oleh sesetengah sarjana tetapi tidak dianggap sedemikian oleh sarjana yang lain. Dalam hal seperti ini, perbahasan ilmiah mereka perlu diteliti dan dinilai sebelum kita menerima pendapat-pendapat mereka.

Pada asasnya, setiap hadith hendak diamalkan. Namun jika ada dua hadith yang *thabit*[74] yang bertentangan sama sekali inti kandungannya, dan tidak mungkin dapat diserasikan, atau disesuaikan atau dirungkaikan maka beberapa langkah akan diambil oleh para pengkaji hadith. Antara langkah tersebut ialah jika dapat diketahui tarikh hadith-hadith tersebut, dihukum hadith yang terkemudian sebagai pembatal hadith yang awal.

Kata al-Mubarakfuri (W: 1353H) memetik kata-kata Ibn Khaldun:

> *"Mengetahui ilmu nasikh dan mansukh adalah ilmu hadith yang paling penting dan sukar"*[75].

[74] Maksudnya jika pertentangan itu berlaku antara hadith yang dhaif atau palsu dengan hadith yang sahih atau hasan, maka ianya tidak diambil kira. Hal ini kerana yang dhaif dengan sendirinya gugur.

[75] Al-Mubarakfuri, Tuhfah al-Ahwazi, 1/207. Beirut: Dar al-Fikr (1995).

Contoh:

أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ[76]

"Terbatal puasa pembekam dan yang dibekam".

Hadith ini bertembung dengan hadith yang sahih yang lain yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَهُوَ صَائِمٌ مُحْرِمٌ[77]

Daripada Ibn 'Abbas: Bahawa Rasulullah ﷺ berbekam sedang baginda berpuasa dan ihram.

Oleh kerana kedua-duanya bertentangan dan tidak dapat ditaufiqkan (diserasikan), sementara tarikh kedua hadith pula diketahui, maka kalangan para ulama menganggap hadith yang kedua membatalkan hadith yang pertama. Di mana hadith yang pertama berdasarkan riwayat Ahmad berlaku pada tahun 8 Hijrah.

---

[76]Riwayat Al-Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah dan Ahmad. Ibn Hibban menilainya sahih (lihat: Sahih Ibn Hibban, no. hadith: 3532. Syu'aib al-Arnaut mengulasnya: "Sanadnya memenuhi syarat (Sahih) al-Bukhari" (lihat: Sahih Ibn Hibban, Beirut: Muassasah al-Risalah 1414H). Al-Albani juga mensahihkannya. (lihat: Al-Albani, *Sahih Sunan Ibn Majah,* m.s. 281, Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabi) Dalam riwayat Ahmad disebutkan hadith ini berlaku pada tahun pembukaan Mekah iaitu tahun kelapan.

[77]Riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Nasai, Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah. Hadith di atas lafaz Abu Daud dan Ibn Majah.

Sementara hadith yang kedua, Ibn ‘Abbas yang meriwayat hadith mengiringi baginda semasa hajjah al-Wada’ iaitu haji perpisahan iaitu pada tahun 10 Hijrah. Dengan itu hadith yang kedua dianggap membatalkan hadith yang pertama.

ASAS ILMU HADITH

ILMU MUKHTALAF DAN MUSYKIL

Ini satu ilmu yang sangat penting untuk mengelakkan kita salah sangka terhadap hadith-hadith Nabi ﷺ. Ilmu ini memberikan huraian kepada hadith-hadith yang *thabit*[78] tetapi kelihatan seakan bertentangan antara satu sama lain atau bertentangan dengan al-Quran atau dengan kaedah-kaedah syarak atau fakta-fakta yang benar.

Mukhtalaf al-Hadith (مختلف الحديث) bermaksud dua hadith atau lebih yang pada zahir kelihatan seakan bercanggahan antara satu sama lain.

Sementara Musykil al-hadith (مشكل الحديث) bermaksud hadith yang *thabit* yang pada zahirnya

[78] Maksudnya jika berlaku percanggahan antara hadith yang thabit dengan yang tidak thabit seperti percanggahan hadith sahih dengan hadith lemah, maka tidak diambil kiranya. Hadith yang sahih akan dipakai dan yang lemah akan ditinggalkan.

kelihatan seakan bertentangan dengan fakta yang benar seperti al-Quran, atau fakta sains yang pasti atau sesuatu hakikat yang tidak dinafikan.

Peranan ilmu ini memberikan tafsiran yang merungkaikan apa yang kelihatan bercanggahan tersebut. Kata al-Nawawi (W: 676H):

> *"Ini adalah seni ilmu yang sangat penting yang wajib seluruh ulama mengetahuinya"*[79].

Contoh *mukhtalaf hadith*:

عَنْ أَنَس ابْنِ مَالِكٍ رَضِي اللَّه عَنْه قَال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ[80]

> *Daripada Anas bin Malik r.a.: "Katanya: Sabda Rasulullah ﷺ: Tidak ada seorang muslim yang menanam tanaman atau menyemai semaian lalu burung, atau insan atau binatang berkaki empat memakannya, melainkan untuknya (pahala) sedekah".*

Hadith di atas merupakan satu galakan untuk bercucuk tanam, secara tidak langsung menggalakkan atau mengizinkan memiliki ladang atau kebun yang

[79] Al-Sayuti, *Tadrib al-Rawi,* m.s. 365.
[80] Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

membolehkan kita bercucuk tanam padanya. Namun hadith ini pada zahirnya nampak seakan bertentangan dengan hadith di bawah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّه عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَتَّخِذُوا الضَّيْعَةَ فَتَرْغَبُوا فِي الدُّنْيَا[81]

Daripada 'Abd Allah bin Mas'ud, katanya: sabda Rasulullah ﷺ: "Jangan kamu memiliki al-daiy'ah (kebun atau ladang atau perniagaan), nanti kamu akan sukakan dunia".

Percanggahan yang nampak pada zahir hadith ini diselesaikan dengan melihat kepada maksud Nabi ﷺ ketika menyebut hadith yang kedua, iaitu baginda tidak mengizinkan memiliki ladang atau kebun tanaman kepada sesiapa yang dengan memilikinya akan meninggalkan urusan agama.

Kata Ibn Hajar (W: 852H) ketika mensyarahkan hadith pertama:

"Dalam hadith tersebut kelebihan menanam dan menyemai pokok juga galakan memakmurkan bumi. Daripadanya dapat difahami galakan memiliki kebun dan menguruskannya. Hadith ini juga membuktikan kesalahan pendapat dalam kalangan golongan zuhud

[81]Riwayat al-Tirmizi, beliau menilai hadith ini sebagai hasan. Al-Hakim dalam Al-Mustadrak(المستدرك) mensahihkannya. Ini dipersetujui oleh al-Imam al-Zahabi. (lihat: Al-Mustadrak, 5/458. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1998)

yang membantah perkara ini. Adapun hadith yang menyuruh menghindari perkara ini ialah apabila ia melalaikan urusan agama. Antara hadith Ibn Mas'ud –beliau menyebut hadith tadi-"[82].

Kata Abu Bakr al-Baqilani (الباقلاني) (W: 403H):

"Setiap dua hadith yang diketahui Nabi ﷺ mengucapkan keduanya tidak mungkin terdapat padanya percanggahan dalam semua sudut. Sekalipun pada zahir keduanya (nampak) bercanggahan"83. Kata Ibn Khuzaimah (W: 311H) pula: "Tidak ada di sana dua hadith yang bertentangan daripada semua sudut. Sesiapa yang mendapati perkara yang seperti itu, maka datanglah kepadaku untuk aku serasikannya"[84].

Untuk mengatasi percanggahan antara hadith, pelbagai ilmu yang telah digunakan. Antaranya, ilmu-ilmu yang disebutkan tadi seperti *Sabab al-Wurud*, Nasikh dan Mansukh, Ilmu Bahasa Arab, demikian juga ilmu-ilmu dalam Usul al-Fiqh dan juga pertemuan-pertemuan saintifik moden.

---

[82] Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, 5/267.

[83] Al-Khatib al-Baghdadi, *Al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*(الكفاية في علم الرواية), m.s. 433. Madinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t.

[84] Ibn Kathir, *Ikhtisar 'Ulum al*-Hadith(اختصار علوم الحديث) , m.s. 170. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

PENUTUP

Setelah kita mengetahui beberapa asas ilmu hadith yang dijelaskan secara ringkas dalam buku ini, maka beberapa kesimpulan boleh diambil: Seseorang yang ingin membaca hadith atau beramal dengannya, hendaklah terlebih dahulu meneliti kedudukan hadith tersebut.

- Sangat penting untuk memahami maksud hadith, sunnah dan kepentingannya.
- Pengkajian hadith merangkumi kajian sanad dan matan.
- Meriwayatkan hadith palsu tanpa diterangkan kedudukannya adalah dosa yang paling besar.
- Suatu hadith yang hendak diamalkan hendaklah terlebih dahulu dipastikan kedudukannya.
- Bagi memahami matan hadith, terdapat disiplin-disiplin ilmu yang mesti diteliti agar tidak tersalah dalam memahami maksudnya.

Akhirnya, seseorang yang membaca buku ini, tidak boleh terhenti di sini sahaja. Jika dia benar-benar ingin memahami ilmu hadith ini hendaklah dia meluaskan bacaan terhadap bahan-bahan yang membincangkan ilmu ini. Ilmu ini terlalu penting dan luas. Malangnya di tanah air kita ramai yang tidak menceburkan diri dan berusaha mempelajari dan memahaminya. Maka akhirnya tersebarlah hadith-hadith palsu dan tafsiran-tafsiran yang salah mengenai hadith-hadith Nabi ﷺ

والحمد لله رب العالمين

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS
Tingkat 1, Blok A,
Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar, Perlis.

(04) 979 4428
(04) 976 3844
mufti.perlis.gov.my

MAIPs

MAJLIS AGAMA ISLAM &
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
No A2, Taman Pengkalan Asam,
Jalan Tuanku Syed Putra,
01000 Kangar, Perlis.

(04) 979 4439
(04) 978 2400
www.maips.gov.my